



BAHAGI MASA...Azizah (kanan) sasar rekod baru.

Azizah sasar pecah rekod kebangsaan

ATLET angkat berat wanita negara, Azizah Fadzil menasarkankan untuk memecah rekod kebangsaan pada temasya Sukan Olimpik, di London, Julai nanti.

Azizah yang berasal dari Pulau Pinang itu tidak menafikan bahawa dia menerima cabaran lebih hebat apabila perlu menandingi pesaingnya dari negara China, Russia dan Kazakhstan bagi kategori 53kg wanita.

Dapat layak ke Olimpik adalah perkara paling manis dalam hidup saya. Saya percaya dengan menyertai sukan terbesar seperti itu, saya dapat banyak pendedahan.

"Saya lebih tumpukan membuat rekod terbaik daripada sebelum ini iaitu 97kg bagi acara clean & jerk dan 79kg bagi acara snatch. Saya juga sentiasa menasarkankan untuk memecah rekod peribadi dan kebangsaan pada setiap kejohanan terbesar disertai," katanya ketika ditemui Bernama di pusat latihan angkat berat Majlis Sukan Negara (MSN), semalam.

Berbaki enam minggu lagi sebelum menggalas cabaran di London, Azizah berkata, dia kini giat menjalani latihan pusat di MSN dan mengikuti program Persatuan Angkat Berat Malaysia (PABM), jurulatih dan MSN.

Dia juga dinasihati supaya menjaga pemakanan, kesihatan dan perlu berhati-hati ketika menjalani latihan bagi mengelak kecederaan.

"Sekarang ini saya mahu elak daripada tercedera sebab fokus bukan saja Olimpik tetapi juga Sukan Sea tahun depan, Sukan Komanwel dan Sukan Asia 2014.

"Jurulatih mahu angkatan saya lebih meningkat tiga minggu sebelum kejohanan dan saya kena kekalkan stamina," kata gadis berusia 21 tahun itu.

Azizah mencipta sejarah dengan menjadi atlet angkat berat wanita Malaysia yang pertama berjaya melayakkan diri ke Sukan Olimpik selepas layak secara merit pada Kejohanan Kelayakan Olimpik Zon

Asia di Pyeongtaek, Korea Selatan, April lalu.

Pelajar Sarjana Muda Pengajian Komunikasi dan Media, Universiti Putra Malaysia (UPM) itu juga akur untuk melakar kejayaan bukannya mudah dan perlu bijak membahagikan masanya antara pelajaran dan sukan.

Mengimbuai pembabitan awalnya dalam sukan angkat berat, Azizah yang juga anak kedua daripada lima beradik, terharu apabila ibu bapanya dapat menerima hasratnya untuk bergiat aktif dalam sukan itu.

"Saya bukanlah lahir dalam keluarga yang ada latar belakang sukan. Dalam keluarga, saya yang aktif dalam sukan, mula-mula ibu bapa saya susah nak terima, mereka lebih pentingkan pelajaran.

"Selepas melihat kejayaan dan komitmen saya dalam pelajaran, Alhamdulillah dengan berkat dan restu ibu bapa saya, saya hampir melakar kejayaan dalam karier saya," katanya.